

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
KAWASAN : TEBRAU

SOALAN :

YB TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan beberapa syarikat yang diberi status "Approved Contractor" oleh Kementerian Kewangan yang datang daripada ahli-ahli keluarga yang sama dan apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan "Approved Contractor" lain tidak mengalami ketidakadilan kerana peluang dikurangkan oleh keluarga yang semua ahli-ahli keluarganya adalah "Approved Contractor" ketika kontrak-kontrak kecil diberikan oleh Kerajaan secara cabutan undi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kewajipan untuk berdaftar sebagai kontraktor yang melaksanakan kerja pembinaan telah dijelaskan di dalam Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994, pindaan 2011). Pelaksanaan urusan pendaftaran kontraktor di CIDB adalah berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Pendaftaran Kontraktor 1994 yang digazetkan serta garis panduan yang mengandungi syarat serta kriteria untuk berdaftar. Komponen dalam pendaftaran CIDB terdiri daripada Gred, Kategori dan Pengkhususan. CIDB mendaftar kontraktor mengikut keupayaan serta kemampuan kontraktor yang dinilai dari segi kewangan dan personel teknikal dan ianya akan diklasifikasikan kepada 7 gred pendaftaran iaitu gred G1 sehingga G7 serta ditempatkan dalam kategori B (Bangunan), CE (Kejuruteraan Awam), M&E (Mekanikal & Elektrikal) serta FM (Kerja Fasiliti). Setiap permohonan pendaftaran yang dikemukakan oleh kontraktor kepada CIDB akan diproses mengikut kelayakan seperti di atas.

Bagi permohonan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), terdapat syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh kontraktor sebelum ianya layak didaftar di bawah SPKK iaitu:

- 1) Had penglibatan pengarah dalam syarikat yang telah memiliki SPKK. (Setiap Pengarah syarikat hanya boleh berdaftar untuk mendapatkan SPKK hanya untuk satu syarikat sahaja.);
- 2) Had pegangan saham oleh shareholder dalam syarikat yang telah memiliki SPKK. (Setiap shareholder hanya boleh menjadi pemegang saham terhadap kepada satu syarikat sahaja dan kebenaran untuk terlibat dalam syarikat lain sebagai shareholder dengan had pegangan saham tidak melebihi 5%);

3) Keperluan pensijilan SCORE CIDB:

(a) Permohonan baru SPKK G2 - G4 : SCORE 2 Bintang minimum;

(b) Permohonan baru SPKK G5 - G7 : SCORE 3 Bintang minimum;

(c) G7 yang memiliki SPKK – pembaharuan pendaftaran perlu penarafan SCORE terkini;

4) Keperluan pensijilan ISO 9001:2015 bagi Permohonan baru SPKK untuk gred G7.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN NO. 140

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) serta Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) setakat ini, adakah Kementerian telah membuat kajian kos manfaat terhadap TABIKA dan TASKA KEMAS dan taraf pendidikan pra-sekolah KEMAS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 15 Jun 2019, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mempunyai sebanyak 509 buah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan 10,966 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) di seluruh Malaysia.
2. Pada tahun ini KEMAS telah menerima sebanyak RM173.2 juta peruntukan dibawah pendidikan awal kanak-kanak yang memberi manfaat kepada seramai 226,000 orang kanak-kanak TABIKA dan TASKA KEMAS.

NO.SOALAN :140

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak KEMAS tiada melaksanakan kajian khusus berkaitan kos manfaat terhadap TABIKA dan TASKA KEMAS dan taraf pendidikan prasekolah KEMAS.

4. Walaubagaimanapun, KEMAS telah melaksanakan kajian kualiti perkhidmatan TABIKA KEMAS bersama dengan pihak Univesiti Putra Malaysia (UPM). Berdasarkan kepada 7 indikator penilaian yang dilaksanakan adalah didapati bahawa indikator pemakanan dan kesihatan kanak-kanak berada pada tahap kualiti perkhidmatan tinggi menggambarkan kualiti pemakanan berada di tahap yang baik. Begitu juga komunikasi dan interaksi guru, ibu bapa dan kanak-kanak.

5. Taraf pendidikan TABIKA KEMAS adalah setanding dengan prasekolah yang lain kerana TABIKA KEMAS menggunakan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) serta memiliki Pemaju Masyarakat (Guru) TABIKA yang berkelayakan Diploma.

6. Bagi aspek perkembangan dan kemajuan kanak-kanak pula, KEMAS melaksanakan pentaksiran terhadap kanak-kanak berdasarkan kepada Instrumen Pentaksiran PraSekolah Kebangsaan (IPPK) bagi mentaksir perkembangan kanak-kanak yang telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Hasil pencapaian kanak-kanak direkodkan dan dikongsi bersama ibu bapa.